

KHUTBAH JUMAAT

“**ARAK DAN JUDI: PENGHANCUR KESEJAHTERAAN HIDUP**” (30 Januari 2026M/ 11 Syaaban 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أُولَى الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Laksanakanlah segala perintah-Nya, dan jauhilah segala larangan-Nya. Manfaatkan setiap hembusan nafas yang dianugerahkan untuk memperbanyakkan amal kebaikan dan mempertingkatkan kualiti ibadah bagi meraih keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Jagalah adab solat Jumaat lebih-lebih lagi ketika khutbah disampaikan. Elakkan diri daripada berbual-bual dan bermain telefon bimbit serta hayatilah bicara khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Arak dan Judi: Penghancur Kesejahteraan Hidup**".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Para ulama telah sepakat bahawa minuman keras (arak) dan segala bentuk perjudian adalah haram hukumnya dan termasuk dalam kategori perbuatan yang tercela serta berdosa, yang mesti dijauhi oleh setiap umat Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ma'idah, ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ
وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ۖ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ (٩١)

Maksudnya: *Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?*

Ayat tadi menjelaskan tentang kesan buruk daripada arak dan judi. Imam Ibnu Jarir at-Tabari *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Quran* menjelaskan bahawa syaitan mengambil peluang melalui arak dan judi untuk mencetuskan permusuhan, kebencian dan perpecahan dalam kalangan manusia, setelah Allah *subhanahu wata'ala* menyatukan mereka melalui iman dan persaudaraan Islam. Dengan kesibukan berjudi, syaitan juga dapat memalingkan hati manusia, daripada mengingat Allah *subhanahu wata'ala*, sehingga akhirnya tidak memperoleh apa-apa kebaikan di dunia dan di akhirat.

Pada zaman yang serba moden ini, perjudian tidak hanya terhad kepada pertaruhan secara fizikal, tetapi telah berkembang dalam bentuk judi dalam talian yang semakin berleluasa. Tidak kira usia, latar belakang, mahupun status sosial, banyak individu yang terjerumus dalam perangkap judi dalam talian tanpa mereka sedari akibat buruk yang bakal menanti.

Judi dalam talian merujuk kepada segala bentuk perjudian yang dilakukan melalui platform digital atau internet, seperti taruhan sukan, permainan kasino, slot mesin, atau permainan dalam talian yang melibatkan pertaruhan wang. Salah satu faktor utama yang membuatkan judi dalam talian ini begitu bahaya ialah kerana ia mudah untuk diakses. Dengan hanya menggunakan telefon pintar atau komputer, seseorang boleh berjudi tanpa perlu keluar rumah atau berada di kasino. Ini menjadikannya lebih sukar untuk dikawal, terutama dalam kalangan remaja yang mungkin tidak memiliki kekuatan iman untuk menghindarinya.

Perjudian dan juga arak bukan hanya membawa kerugian dari segi material, malah lebih parah, boleh merosakkan akhlak dan mengikis iman. Kita sering mendengar tentang individu yang kehilangan segala-galanya akibat ketagihan arak dan judi, dari segi wang ringgit, harta benda, bahkan maruah dan hubungan keluarga.

Seseorang yang terjebak dalam arak dan judi akan menjadi ketagihan, seolah-olah hidup mereka bergantung kepadanya. Mereka akan melakukan pelbagai cara bagi mendapatkan wang atau

modal untuk membeli minuman keras dan berjudi walaupun terpaksa mencuri, peras ugut, rasuah dan menipu. Akibatnya institusi kekeluargaan akan menjadi kucar-kacir dan musnah. Tanggungjawab dan amanah mereka terhadap isteri dan anak-anak terabai. Nafkah zahir tidak mampu diberi kerana segala harta dan wang ringgit telah dihabiskan dalam untuk arak dan perjudian. Semua ini berlaku kerana mereka terperangkap dalam ilusi keseronokan daripada arak dan juga kekayaan yang cepat melalui perjudian. Namun realitinya, kedua-duanya hanya membawa kepada kebinasaan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Isra' ayat 18:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَّدْحُورًا (١٨)

Maksudnya: *Sesiapa yang menginginkan kehidupan dunia dan kemewahannya, Kami berikan balasan kepada mereka atas amal perbuatan mereka di dunia ini, tetapi mereka tidak akan memperoleh bahagian mereka di akhirat.*

Ayat tadi mengingatkan kita bahawa segala bentuk usaha untuk memperoleh kekayaan dan sebagainya secara haram, seperti perjudian, tidak akan mendatangkan kebaikan. Sebaliknya, ia akan membawa kepada kehancuran, sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai umat Islam, kita mesti memiliki kesedaran yang tinggi tentang bahaya perjudian sama ada fizikal mahupun dalam talian serta berusaha menjauhinya. Ini ialah satu bentuk ujian dan godaan yang sangat besar dalam zaman moden ini. Kita tidak boleh membiarkan diri, keluarga, atau masyarakat kita terjebak dalam kancan kerosakan yang disebabkan oleh perjudian.

Bagi para ibu bapa, adalah amat penting untuk memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak tentang bahaya judi, serta mengawasi aktiviti mereka di internet. Dalam era digital ini, kanak-kanak dan remaja sangat mudah terdedah kepada persekitaran yang membawa mereka ke arah perkara-perkara yang haram. Oleh itu, peranan ibu bapa sangat besar dalam membimbing dan melindungi mereka daripada bahaya ini.

Antara punca berlakunya judi adalah disebabkan lemahnya iman seseorang itu, kurang jati diri, kecekan akal fikiran dan bersikap sambil lewa terhadap hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh itu, cara untuk melawan godaan ini ialah dengan sentiasa menyibukkan diri dengan aktiviti yang berfaedah, menambah ilmu pengetahuan Islam, berdoa agar dijauhi daripada segala bentuk kemaksiatan, dan memperbanyakkan amal ibadat serta mengingati mati.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, kita semua bertanggungjawab, dalam membanteras

segala bentuk perjudian yang berlaku. Tidak wajar kita melepaskan bebanan ini kepada pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan sahaja. Malah setiap individu, masyarakat, ibu bapa, guru-guru atau pendidik, perlu peka dalam masalah ini melalui beberapa perkara berikut :

Pertama: Setiap orang Islam mestilah memahami bahawa amalan berjudi perlulah dibanteras kerana ia boleh mencetuskan permusuhan, meruntuhkan institusi kekeluargaan, masyarakat dan ancaman kepada negara.

Kedua: Setiap individu muslim wajib memainkan peranan dan bekerjasama dalam membanteras segala bentuk perjudian di semua peringkat.

Ketiga: Umat Islam perlu menyedari betapa pentingnya ilmu, amal dan iman dalam melayari kehidupan untuk memastikan mereka tidak terjerumus ke dalam kemungkaran dan maksiat.

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama memperbanyakkan amal ibadat terutamanya pada malam nisfu Syaaban yang bakal tiba bagi memperolehi keistimewaan yang disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pada malam tersebut. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* pernah berkata tentang kelebihan malam Nisfu Syaaban dengan kata-katanya:

“Telah sampai kepada kami bahawa doa akan dimakbulkan pada lima malam, iaitu malam Jumaat, malam hari raya Idil Adha, malam

hari raya Idul Fitri, awal malam di bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban.”

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* pula berkata:

“Malam Nisfu Syaaban, para Tabi’in daripada kalangan penduduk Syam mengagungkannya dan bersungguh-sungguh menunaikan ibadah pada malam tersebut. Mereka mendirikan solat-solat sunat di dalam Masjid pada malam Nisfu Syaaban.”

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata’ala* dalam Surah al-Ma’idah, ayat 90:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٩٠)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya (minuman keras), berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah adalah kotor (tercela) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu beruntung.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca tidak menentu ini, sama ada cuaca panas yang membawa suhu melampau, atau hujan lebat yang mengundang masalah banjir dan tanah runtuh, maka khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Pada masa yang sama, teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhumma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

(Hadis riwayat Imam at-Tabarani)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada

mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.